



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL.93 / 2018**

### **SPR AKUR KEPUTUSAN MAHKAMAH PILIHAN RAYA BERKENAAN DUN N.27 RANTAU**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) akur dengan keputusan Mahkamah Pilihan Raya di Seremban pada hari ini yang mengisytiharkan bahawa kemenangan Datuk Seri Mohamad Hasan di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N.27 Rantau pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu sebagai batal dan tidak sah. Namun demikian, Mahkamah berkenaan juga memutuskan untuk tidak memberi perakuan keputusan tersebut sehingga tamat tempoh 14 hari dari hari ini untuk mana-mana pihak mengemukakan rayuan ke Mahkamah Persekutuan.
2. Pilihan Raya Kecil (PRK) hanya akan diadakan sekiranya tiada rayuan atau proses rayuan di Mahkamah Persekutuan telah selesai sepenuhnya. Di bawah undang-undang, SPR hendaklah mengisi kekosongan kerusi tersebut dalam tempoh 60 hari dari tarikh ia menerima perakuan tersebut.
3. Buat masa ini, SPR perlu menunggu perakuan keputusan Mahkamah Pilihan Raya atau sehingga tempoh 14 hari untuk rayuan tamat bagi tindakan selanjutnya. Sementara itu, SPR akan meneliti alasan penghakiman Mahkamah Pilihan Raya dan akan membuat keputusan sama ada rayuan perlu dibuat ke Mahkamah Persekutuan. SPR sentiasa bersedia untuk menjalankan PRK sekiranya ia perlu diadakan.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 16 November 2018 / 8 Rabiul Awal 1440H